

31/01/2002

Media Barat terus kaitkan Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia terus menjadi sasaran media Amerika Syarikat yang mengaitkan negara ini sebagai markas operasi awal serangan pengganas terhadap negara itu pada 11 September lalu.

Selepas laporan Newsweek keluaran terbaru yang mendakwa Malaysia adalah markas operasi awal pengganas, kini akhbar USA Today memetik satu laporan Biro Siasatan Persekutuan (FBI) bahawa persiapan untuk serangan itu dibuat di sini.

Menurut harian itu, warga Perancis, Zacarias Moussaoui yang perbicaraannya dijadualkan pada Oktober di Alexandria, Virginia, menemui seorang pembiaya kewangan al-Qaeda di sebuah kondominium di ibu negara Malaysia.

Lelaki itu, Yazid Sufaat, dikatakan membekalkan Moussaoui dengan dokumen palsu menyatakan dia bekerja dengan sebuah syarikat Malaysia.

Syarikat yang dinamakan dalam dokumen itu, Infocus Tech, menafikan pernah mengambil Moussaoui, 33, bekerja, orang pertama didakwa di Amerika atas tuduhan terbabit dalam serangan pada 11 September.

Menurut USA Today, Sufaat memberikan Moussaoui AS\$2,500 (RM9,500) sebulan dan A\$35,000 (RM133,000) sebagai pendahuluan. FBI mendedahkan Moussaoui memiliki AS\$32,000 (RM121,600) dalam sebuah bank di Norman, Oklahoma, sebaik saja tiba di Amerika pada Februari 2001.

Akhbar itu mendakwa Sufaat, sebagai seorang anggota al-Qaeda dikaitkan dengan pergerakan Islam Jemaah Islamiah, juga bertemu dengan dua daripada 19 perampas pesawat yang melancarkan serangan pada 11 September.

Moussaoui, yang disyaki penyiasat sepatutnya menjadi perampas ke-20 dalam salah satu daripada empat pesawat komersial yang digunakan dalam serangan itu, ditahan Ogos lalu kerana masalah imigresen.

Laporan FBI juga menyatakan lain-lain anggota al-Qaeda bertemu di Kuala Lumpur untuk merancang bukan saja serangan 11 September, tetapi juga merancang serangan ke atas kedutaan Amerika, Israel, Britain dan Australia di Singapura.

Malaysia adalah tapak pelancaran operasi utama serangan terbabit, menurut laporan FBI itu, menyebabkan pihak berkuasa memandang negara ini sebagai sasaran baru dalam peperangan menentang keganasan.

Menurut AFP, seorang pegawai FBI yang ditanya mengenai laporan itu enggan memberi ulasan.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditanya mengenai laporan Newsweek, menolak andaian Malaysia menjadi markas operasi awal serangan 11 September tahun lalu.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata, Amerikalah markas pelancaran serangan itu kerana semua perancangan dan latihan bagi perampas dibuat di negara berkenaan dan bukannya Malaysia.

"Mereka berlatih di Amerika sepanjang masa dan kemudian mereka membuat perancangan di Amerika bagaimana untuk merampas kapal terbang, pada waktu bila, pesawat mana dan bangunan apa," katanya membalas laporan itu.

(END)